

Dari Sebulan ke Sebulan

“Minggu Bahasa Kebangsaan” telah dirayakan dengan meriahnya di seluruh tanah air. Segala jabatan pemerintah, badan-badan politik, guru-guru, penerbit-penerbit, badan-badan bahasa dan kebudayaan telah memberi kerjasama yang sepenuhnya.

Sepanjang-panjang Minggu Bahasa yang bersejarah itu, yang telah dimulakan pada 30 Januari dan berakhir pada 6 Februari telah diisi dengan berbagai-bagai rancangan-rancangan bahasa dan perpaduan syarahan di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. 14 buah badan penerbit dan penjual buku-buku telah mempamerkan buku-buku Melayu dari segala jenis yang menjadi perbendaharaan perpustakaan Melayu. Permulaan perayaan Minggu Bahasa Kebangsaan telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu Tengku Abdul Rahman Putra dengan membuka pesta buku-buku di Dewan Tengku Abdul Rahman Kuala Lumpur yang bersejarah itu.

Melihat sambutan yang meriah dari seluruh rakyat Tanah Melayu di sepanjang-panjang minggu itu, maka yakinlah kita bahawa Bahasa Melayu akan menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang tunggal sebelum tahun 1967 yang telah ditetapkan.

* * *

Langkah Tuan Sayyid Nasir bin Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka merangkap Ketua Jawatankuasa Perayaan “Minggu Bahasa Kebangsaan” hendak melancarkan “Perang Bahasa” terhadap setengah-setengah pihak yang tertentu yang enggan memberi kerjasama dan menunjukkan ikhlas terhadap bahasa kebangsaan, menyebabkan mereka segera

insaf dan sedar, dan tampil memberi kerjasama sebagaimana yang dikehendaki.

Majlis Bandaran Kuala Lumpur, yang pada mulanya berdegil mempertahankan Bahasa Inggeris dan memandang sepi kepada bahasa kebangsaan telah siuman semula lalu mengerah semua kaki tangannya supaya menggunakan Bahasa Melayu. Segala nama-nama pejabat, kepala-kepala surat dan segala apa jua yang selama ini memakai nama Inggeris telah ditukar ke Bahasa Melayu. Bahkan nama Majlis Bandaran itu yang selama ini terkenal dengan nama “*Kuala Lumpur Municipal¹ National Council*” telah segera ditukar ke bahasa kebangsaan dengan Nama “Majlis Bandaran Kuala Lumpur”.

* * *

Dewan Bahasa dan Pustaka maju setapak lagi dalam usaha mengembangkan Bahasa Melayu. Suatu rancangan dua tahun untuk mengajar orang-orang yang bukan Melayu supaya mahir dalam bahasa kebangsaan sedang disusun oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tentang ini, Pengarah Dewan Bahasa, Tuan Sayyid Nasir berkata: Kami yakin “Minggu Bahasa Kebangsaan” akan menjayakan usaha-usaha kerajaan untuk membentuk satu jiwa baharu di kalangan rakyat, jiwa rakyat yang bersatu sebagai satu bangsa baharu.

“Minggu Bahasa Kebangsaan sesudah tentu akan menambah semangat baharu di kalangan rakyat untuk belajar dan menghormati bahasa kebangsaan.”

Lebih lanjut beliau berkata: “Sesuai dengan

¹ dalam teks asal dieja ‘Mayo’

Perlembagaan, Bahasa Melayu akan menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal dalam negeri ini selewat-lewatnya dalam tahun 1967.”

* * *

Dalam siarannya kepada akhbar, Tengku Abdul Rahman berkata: Bahawa lawatannya ke New Zealand telah mengukuhkan tali persahabatan di antara dua buah negara yang mempunyai cita-cita yang sama - mencintai perdamaian sedunia.

Perang menentang komunis di Tanah Melayu - kata Tengku lagi - boleh dikatakan sudah selesai, dan sekarang terpulangnya kepada Parlimen mengisytiharkan tamatnya darurat di Tanah Melayu.

* * *

Pemerintah Singapura dan Indonesia telah berjaya mencapai persetujuan dalam soal-soal perdagangan, kebudayaan dan keselamatan bersama, setelah Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew dan rombongannya melawat ke Indonesia baharu-baharu ini.

Dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan oleh kedua-dua pemerintah itu menyatakan bahawa kedua-dua pihak telah mencapai persefahaman yang mendalam berdasarkan keinginan yang besar dari kedua-dua pihak untuk memperkukuh persahabatan mereka. Pemerintah Indonesia akan mengirinkan satu rombongan ke Singapura tidak berapa lama lagi untuk merundingkan dengan lebih lanjut akan soal-soal perdagangan dan kebudayaan dan juga keselamatan bersama - termasuk soal pemberontak.

* * *

Suatu perkara baharu yang agak menarik, yang akan

dilancarkan oleh Persatuan Islam Se-Tanah Melayu, ialah langkahnya hendak melancarkan “ Perang Iman” untuk dilaksanakan oleh anggota-anggota parti itu.

Dewan-dewan Pemuda PAS di seluruh Persekutuan Tanah Melayu telah diperintahkan oleh Ibu Pejabat PAS di Kuala Lumpur supaya mengadakan “Ketumbukan Lisan”, “Ketumbukan Pena” dan seterusnya berbagai-bagai Ketumbukan lagi, termasuk sukan dan sastera.

Anggota-anggota ketumbukan apabila diperintahkan bergerak, dibenarkan melakukan tugas-tugas masing-masing dengan apa jua cara yang mereka yakin dapat mencapai kejayaan selagi kebijaksanaan mereka digunakan dengan tidak melanggar:

- (1) hak-hak asasi manusia, (2) batasan Tuhan,
- (3) garisan larangan perikemanusiaan, (4) undang-undang ketenteraman raya, (5) perlembagaan tanah air.

Atas apa-apa hal pun, langkah PAS itu, sebenarnya sesuatu “pembaharuan” dalam cara berjuang mudah-mudahan akan berjaya.

* * *

Seorang ahli Mesyuarat Melayu di Singapura tatkala memberi pendapatnya mengenai masalah kuasa *Chief* Kadi sahaja boleh mengahwinkan orang-orang yang ada isteri dikatakan telah berkata bahawa kadi itu ialah wakil Nabi Muhammad di dunia ini. Orang-orang hanya tersenyum mendengar perkataan seperti ini kerana nampaknya orang jahil hendak bercakap agama dan orang seperti inilah juga kalau dahulunya tidak pernah terlihat sembahyang Jumaat tiap-tiap Jumaat di sebuah masjid terus-menerus sembahyang di sana untuk

menunjukkan bahawa ia seorang yang taat. Sembahyang yang seperti ini ialah sembahyang politik namanya dan tujuannya hanya sebagai pancing. Perbuatan sedemikian ini tentunya dilaknat oleh Islam.

* * *

Dalam memberi fatwanya, Mufti Johor telah membidas Kiyai Faḍlu Allāh Sahimi, dikatakan Kiyai Faḍlu Allāh tidak banyak membaca kitab-kitab mengenai hukum agama yang mengenai ghanimah dan seumpamanya kemudian mengatakan beliau telah membaca kitab ini, kitab itu dan seumpamanya. Cara mengecilkan orang seperti ini adalah perbuatan yang tidak bijak dan bukan perbuatan orang yang berilmu. Kalau berbahas bahaslah secara orang berilmu - jangan mengecilkan orang lain, bahaslah apa yang dikatakannya dan asas hujah-hujah

yang diberikannya. Orang ramai sekarang tidak suka lagi mendengar cara kafir-mengkafirkan orang

* * *

Pejabat Agama Perak telah bergerak lagi. Di sana peruntukan kerana membeli sebuah lagi motokar untuk mengadakan nasihat-nasihat agama ke kampung-kampung beserta dengan mengadakan filemnya yang ditunjukkan kepada mereka telah dibuat. Usaha seperti ini sangat baiknya terutamanya jika pensyarah-pensyarah mereka dilatih memberi nasihat dengan cara menggunakan hikmah dan kebijaksanaan. Langkah yang terpuji ini sepatutnya ditiru oleh lain-lain negeri tetapi malangnya tidak sebuah pun yang tergerak. Syabas Pejabat Agama Perak.

* * *



Gambar kenangan guru-guru kerajaan Brunei, kerana menyambut tahun baharu 1960. Duduk dari kanan Cikgu Abdullah Umar, Abdul Qadir Talib. Abdul Rahman Haji Hasbullah, Shuaib Haji Nor dan Ahmad. Dari kanan: Cikgu Zubaidi Haji Muhammad Yasin, Hashim, Isa Jantan dan Hasan Haji Muhammad. Berdiri